

Misi Freedom Flotilla Coalition x TMTG ke Gaza

PM kecam Israel tahan kapal misi kemanusiaan

Anwar sifatkan tindakan Zionis melampau, langgar undang-undang antarabangsa

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengecam sekeras-kerasnya tindakan provokatif dan pelanggaran undang-undang antarabangsa oleh tentera Zionis yang menahan kapal misi kemanusiaan ke Gaza pagi semalam.

Beliau berkata kapal misi kemanusiaan Freedom Flotilla Coalition (FFC) dan Thousand Madlens To Gaza (TMTG) yang turut membawa rakyat Malaysia telah dipintas secara tidak sah di perairan antarabangsa oleh rejim itu pada 10.50 pagi waktu Malaysia.

Perdana Menteri berkata, tindakan menahan kapal yang membawa bantuan untuk rakyat Gaza adalah tidak berperikemanusiaan dan mencabuli prinsip asas hak asasi manusia serta maruah kemanusiaan sejagat.

"Saya menuntut agar semua aktivis dan sukarelawan Malaysia dibebaskan dengan segera, diberikan perlindungan sewajarnya, dan tidak diapa-apakan sepanjang tempoh tahanan.

"Kerajaan MADANI akan berusaha sedaya upaya melindungi setiap nyawa anak Malaysia yang terlibat dalam misi kemanusiaan ini, dan akan berhubung dengan negara-negara rakan dan pertu-



Rakaman tangkap layar keadaan krew Conscience ketika diserbu askar Israel, kelmarin.

(Foto REUTERS)

buhan antarabangsa bagi memudah cara pembebasan mereka secepat mungkin," katanya.

Gesa segera bebas peserta

Sementara itu, Wisma Putra dalam kenyataan berkata, Malaysia mengecam keras tindakan rejim Zionis itu.

Katanya tindakan pencerobohan itu yang berlaku di perairan antarabangsa adalah pelanggaran undang-undang antarabangsa yang serius termasuk undang-undang maritim, undang-undang kemanusiaan serta hak asasi manusia antarabangsa.

"Malaysia menggesa agar semua peserta flotilla dibebaskan serta-merta dan tanpa syarat. Israel juga dituntut menghormati hak mereka sebagai sukarelawan kemanusiaan serta menjamin keselamatan dan maruah mereka pada setiap masa," katanya.

Kementerian berkata, keselamatan dan kebajikan sembilan rakyat Malaysia kekal menjadi ketutamaan kerajaan.

Semua perwakilan diplomatik

Malaysia di rantau berkenaan telah diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga sepenuhnya dan mengambil langkah proaktif termasuk menyelaras dengan kerajaan serta pihak berkuasa negara berkaitan bagi memastikan pembebasan segera semua peserta yang ditahan.

Kenyataan media pertubuhan bukan kerajaan MyCARE menyebut sembilan rakyat Malaysia kini ditahan oleh tentera Israel dalam serbuan ke atas kapal itu.

Lapan aktivis Malaysia yang menaiki kapal *Conscience* terdiri daripada ketua misi, Prof Emeritus Dr Mohd Alauddin Mohd Ali; Dr Fauziah Hassan, Dr Hafiz Sulaiman, Dr Ili Syakira Mohd Suhaimi dan wartawan Astro Awani, Syafik Shukri Abdul Jalil.

Dua lagi aktivis adalah pesyarah iaitu Prof Dr Mohd Afandi Salleh dan Dr Noorhasyimah Ismail serta Ahli Lembaga Pemegang Amanah MyCARE, Norsham Abu Bakar.

Selain itu, kapal Umm Saad pu-

la dinaiki seorang lagi wakil Malaysia iaitu Dr Maziah Muhammad.

Kesemua mereka yang ditahan ini mengikuti gelombang ketiga flotilla kemanusiaan yang berlepas secara berperingkat menuju ke Gaza dengan membawa wartawan antarabangsa, pakar perubatan, Ahli Parlimen dan aktivis kemanusiaan.

Misi kali ini dijalankan di bawah gabungan FFC and Thousand Madlens to Gaza (TMTG), dengan 10 bot berlepas pada 27 September lalu dari Itali manakala kapal *Conscience* dilancarkan di Porto Otranto, Itali dengan peserta berlepas pada 30 September.

Secara keseluruhan, misi FFC kali ini disertai 150 peserta dari 25 negara dengan MyCARE mengetuai delegasi Malaysia.

Sebelum ini, gelombang pertama flotilla pada Jun lalu menyaksikan lebih 400 termasuk 23 warga Malaysia ditahan Israel ketika menyertai Global Sumud Flotilla (GSF).